

Jumlah penduduk suku tahun pertama naik 2.3 peratus

Kuala Lumpur: Penduduk Malaysia pada suku tahun pertama 2024, dianggarkan 34 juta, meningkat 2.3 peratus berbanding suku tahun pertama 2023, iaitu hanya 33.2 juta.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata jumlah itu berdasarkan hasil laporan berkaitan Perangkaan Demografi yang memaparkan data penduduk, kelahiran hidup dan kematian bagi suku tahun pertama 2024.

Beliau berkata, peningkatan penduduk negara disumbangkan oleh pertambahan semula jadi yang positif bagi warganegara dan juga pertambahan penduduk bukan warganegara.

Katanya, jumlah penduduk itu merangkumi 30.6 juta (90 peratus) warganegara dan 3.4 juta (10 peratus) bukan warganegara.

"Penduduk lelaki meningkat kepada 17.8 juta daripada 17.4 juta pada suku tahun pertama 2023 dan perempuan meningkat

kepada 16.1 juta daripada 15.8 juta bagi tempoh sama.


"Secara keseluruhan, nisbah jantina penduduk adalah 111 lelaki bagi setiap 100 perempuan, manakala nisbah jantina bagi penduduk warganegara adalah 103 lelaki bagi setiap 100 perempuan.

"Melayu menyumbang 57.9 peratus (17.7 juta) daripada jumlah penduduk pada suku tahun pertama 2024 (ST1 2023: 17.6 juta).

"Penduduk Cina, India dan Bumiputera lain kekal kepada masing-masing 22.6 peratus; 6.6 peratus dan 12.2 peratus," katanya dalam kenyataan semalam.

Mohd Uzir berkata, Bumiputera Sabah merangkumi Kadazan/Dusun pula 2.1 peratus; Bajau (1.8 peratus), Murut (0.3 peratus), manakala Bumiputera Sarawak merangkumi Iban (2.4 peratus), Bidayuh (0.7 peratus) dan Melanau (0.4 peratus).

Dalam pada itu, Mohd Uzir berkata, jumlah kelahiran hidup



Penduduk lelaki meningkat kepada 17.8 juta, manakala perempuan meningkat kepada 16.1 juta.

(Foto hiasan)

merekodkan penurunan 9.4 peratus (106,386 kelahiran) berbanding 117,413 kelahiran pada suku tahun pertama 2023.

"Secara purata seorang bayi dilahirkan pada setiap minit, 49 bayi bagi setiap jam dan 1,182 bayi dilahirkan sehari pada suku tahun pertama 2024.

"Bayi lelaki melebihi bayi perempuan dengan 54,747 kelahiran berbanding 51,639 kelahiran," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Uzir berkata, sebanyak 47,964 kematian direkodkan pada suku tahun pertama 2024, penurunan sebanyak 1.5 peratus berbanding suku tahun pertama 2023 (48,693 kematian).

Katanya, secara purata, satu kematian direkodkan pada setiap dua minit, manakala 22 kematian direkodkan setiap jam dan 533 kematian sehari pada suku tahun pertama 2024.